

# Hal Ehwal Tanah Air

## Dari Mana dan Ke Manakah Kita?

Perubahan yang berlaku di Pantai Timur adalah menjadi “suatu dalil betapa kuatnya aliran kebangsaan Melayu dapat menjalar ke rongga hati umat Melayu. Di Kelantan dan di Terengganu sudah terbentuk kerajaan Melayu iaitu kerajaan PAS. Kemenangan PAS dalam merebut tampuk pemerintahan negeri adalah suatu dalil kemajuan fikiran rakyat Melayu dalam usaha menentu dan memilih akan cara hidup yang munasabah dengan jiwa Melayu. Kemajuan berfikir rakyat-rakyat di Pantai Timur dalam masa dua tiga tahun ini adalah satu-satunya natijah daripada tekanan iktisad ke atas rakyat Melayu seluruhnya serta kegagalan kerajaan yang telah lepas untuk membuktikan hasil-hasil janji yang dibuat sebelum pilihanraya yang dahulu.” kata penulis rencana ini antara lain – P.Q.

(Oleh: Hashim Ahmad Ali, Kaherah)

Empat tahun semenjak diadakan pilihanraya yang pertama telah lenyap hilang dan dalam masa yang singkat ini dapat menebus kembali kedaulatan tanah air dari belunggu penjajahan yang berusia ratus tahun. Kembalinya kedaulatan dan kekuasaan tanah air kepada anak bangsanya adalah hasil dari percantuman parti-parti Melayu, Cina dan India. Percantuman ini juga dianggap sebagai suatu usaha baik untuk menciptakan perdamaian di antara bangsa-bangsa dalam negeri. Parti-parti Melayu semenjak mula-mula tertubuhnya lagi menentukan dasar perjuangan ke arah kemerdekaan semoga dengan kemerdekaan itu dapatlah dipelihara nasib orang-orang Melayu dan meninggikan taraf hidup mereka. Begitulah juga parti-parti asing berjuang untuk kemerdekaan. Tetapi kita harus sedar bahawa perjuangan orang-orang asing di Tanah Melayu juga didorongi oleh suatu tujuan yang lain. Tiap-tiap

umat Melayu wajib berwaspada akan hal ini. Kita rasa khuatir jangan kemerdekaan Tanah Melayu akan digunakan nanti sebagai satu batu loncatan oleh bangsa-bangsa asing untuk melaksanakan tujuan dan cita-cita mereka. Sebarang kemusykilan yang berbangkit di antara penduduk-penduduk Tanah Melayu harus kita cuba menyelesaikan dengan jalan damai dan aman. Kita memang penuh berkepercayaan bahawa umat Melayu memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu maka semangat perjuangan itu adalah lahir dari perasaan bahawa Tanah Melayu ialah hak yang turun-temurun. Tetapi sebaliknya orang-orang Cina dan India berganding tangan dengan kita dalam perjuangan kemerdekaan maka perbuatan yang begitu rupa masih lagi diragu-ragukan, malah kita berani berkata bahawa di sana ada ada udang di sebalik batu.

Saya takut jangan-jangan rencana ini akan menyentuh dasar perjuangan atau ideologi setengah-tengah pejuang-pejuang



*Faḍīlah al-Ustādh Haji Anwar Musaddad, sedang bersyarah dalam majlis khas untuk kaum ibu, di rumah Jam'iyah al-Da'wah al-Islāmiyyah, Singapura. Menurut beliau, kebahagiaan rumah tangga akan wujud jika diasaskan di atas tiga perkara: (1) bergaul secara baik, (2) menggunakan kata-kata yang lemah lembut, (3) menzahirkan rasa kasih sayang. Demikian kesimpulan nas Arabnya yang tertulis di papan hitam.*

tanah air tetapi saya tidak tahu ideologi apakah yang didukung oleh mereka. Hanya saya dapat menjangka bahawa tentu mereka akan menuduh rencana yang semacam ini sebagai penggalak perkauman. Tetapi biarlah saya berkata dengan lebih terang dan jelas bahawa dalam saat yang sebegini genting patutlah ditanam rasa kesedaran perkauman supaya tidak akan lagi didolak-dalik oleh bangsa-bangsa asing yang bersifat *opportunist* di Tanah Melayu. Lebih tegas saya ingin berkata di sini bahawa kita lebih berhak menghidupkan perkauman negeri kita sendiri dan menyingkirkan perkauman yang dibawa oleh bangsa-bangsa asing. Selain daripada itu kita harus memandang serta menganggap bahawa sebarang gerak-geri dan sikap telatah bangsa asing di Tanah Melayu untuk

mengelirukan fahaman perkauman dengan kebangsaan adalah sebagai niat busuk mereka terhadap kita. Kita telah dapat melihat betapa rosaknya suasana hidup kita sesama kita apabila fahaman kebangsaan dikelirukan. Ada di antara kita yang berfahaman kebangsaan dan ada pula yang menuduh bahawa kebangsaan itu perkauman, dan natijah dari pertentangan bangsa kita yang berjumlah lebih kurang tiga million telah pun berpecah kepada beberapa golongan dan puak. Sedang bangsa-bangsa asing berdiri tegap di hadapan kita sebagai raksaksa yang melihat akan kelemahan kita.

Memandang kepada kedudukan parti-parti siasah di Tanah Melayu, ternampak banyak perubahan. Kalau dahulu Perikatan dapat memenangi kesemua kerusi dalam pilihan

raya negeri dan *federal* maka di dalam pilihanraya yang diadakan baharu-baharu ini didapati agak sukar sedikit meskipun Perikatan masih dapat membolot kebanyakan kerusi-kerusi. Ini adalah suatu dalil betapa kuatnya aliran kebangsaan Melayu dapat menjaral ke rongga hati umat Melayu. Di Kelantan dan di Terengganu sudah terbentuk kerajaan Melayu iaitu kerajaan PAS. Kemenangan PAS di dalam merebut tampuk pemerintahan negeri adalah suatu dalil kemajuan fikiran rakyat Melayu dalam usaha menentu dan memilih akan cara hidup yang munasabah dengan jiwa Melayu. Kemajuan fikiran rakyat-rakyat di Pantai Timur dalam masa dua tiga tahun ini adalah satu-satunya natijah daripada tekanan iktisad ke atas rakyat Melayu seluruhnya serta kegagalan kerajaan yang telah lepas untuk membuktikan hasil-hasil janji yang dibuat sebelum pilihanraya yang dahulu.

Boleh dikatakan sebahagian yang besar sekali daripada penduduk Pantai Timur terdiri daripada bangsa Melayu, yang sumber kehidupan mereka bergantung kepada keadaan tabii. Ekonomi mereka adalah bercorak kedesaan termasuk pertanian, perikanan dan lain-lain lagi, yang berkehendak kepada panduan dan pertolongan kerajaan bagi menyuburkannya. Tetapi oleh sebab kegagalan Kerajaan Negeri dalam mengutamakan keadaan mereka, yang sentiasa menjadi mangsa kesusahan, maka akhirnya suatu perubahan yang mengejut berlaku. Perubahan itu ialah rakyat Pantai Timur telah mengorak langkah yang baharu dan meletakkan harapan mereka kepada segolongan yang lain pula yang dipandang tidak lagi akan menghampakan kehendak-kehendak mereka. Maka jaya dan kekalnya kerajaan baharu di Pantai Timur adalah terhenti atas setakat manakah usaha-usaha dapat disumbangkan oleh mereka yang bertanggungjawab



*Dengan penuh semangat, umat Islam Singapura, sedang mendengar syarahan yang bernas dari Kiyai Haji Anwar*

*Musaddad. Majlis ini telah diadakan di daerah Joo Chiat baharu-baharu ini.*

dalam mengubah cara hidup rakyat serta melaksanakan cita-cita untuk kemakmuran. Ini ialah kesedaran dari sudut ekonomi.

Dari segi siasah banyak pula pendapat mengenainya. Sebelum merdeka kita berganding tangan dengan bangsa-bangsa asing supaya dapat bekerjasama dalam perjuangan kemerdekaan. Bagi pihak kita berpendapat bahawa berganding tangan dengan bangsa asing hanya sebagai jalan yang menuju ke arah kemerdekaan bukan sebagai tujuan kemerdekaan. Tetapi selepas tercapainya kemerdekaan kita belum nampak ada suatu gerakan yang diusahakan untuk memulih atau mengembalikan kedaulatan dan hak mutlak umat Melayu. Dari sini kita rasa syak bahawa percantuman parti Melayu dengan parti-parti bangsa asing adalah seolah-olah mempunyai syarat-syarat dan janji-janji yang tertentu. Syarat-syarat itu tidak lain daripada memperbanyakkan bangsa Cina yang mempunyai kerakyatan Tanah Melayu, sehingga dari setahun ke setahun didapati jumlah bangsa-bangsa asing menjadi warganegara Tanah Melayu telah meningkat tinggi dengan angka ratusan ribu. Padahal siasah membuka pintu seluas-luasnya kepada bangsa asing untuk menjadi warganegara adalah siasah Inggeris yang sudah lapuk. Hasil daripada siasah ini yang dapat dilihat betapa garangnya orang-orang Cina di Tanah Melayu hari ini, baik di dalam atau di luar Perikatan terhadap bangsa Melayu, sehingga pada saat-saat yang akhir ini mereka tidak silu-silu lagi meminta kerusi-kerusi yang banyak dalam parlimen dan setelah

gagal dalam tuntutan ini mereka berani mencabar Perikatan dengan jalan mencalonkan diri sebagai calon-calon bebas. Inilah yang berlaku dalam masa dua tahun selepas kemerdekaan dan apatah lagi pada masa-masa yang akan datang? Memang ini adalah kesalahan kita sendiri – kesalahan suka banyak bertolak ansur, tetapi kesalahan itu tidak boleh dibiarkan malah patut dicari penyelesaian semoga kita tidak akan lagi terjerumus ke dalam lubang-lubuk kesalahan yang lain-lain pula. Cara untuk memperbaiki atau menyelesaikan kesalahan itu ialah kita harus kembali kepada fikiran asal iaitu umat Melayu mesti menentukan nasibnya dengan tangan sendiri bukan dengan pertolongan orang-orang sing<sup>1</sup>. Inilah suatu daripada sebab-sebab yang membangkitkan perasaan curiga orang-orang Cina M.C.A. terhadap parti-parti yang berbau Melayu dan mereka takut jangan-jangan pada suatu masa kelak perlembagaan yang ada sekarang ini akan dipinda. Tetapi sayang M.C.A. telah lupa bahawa bangsa apakah yang meminta supaya bahasa Cina dijadikan salah satu daripada bahasa rasmi di Tanah Melayu, padahal mengikut perlembagaan hanya bahasa Melayu dan Inggeris sahaja bahasa rasmi. Tidakkah perbuatan orang-orang Cina hendak merasmikan bahasa Cina dianggap sebagai suatu langkah untuk meminda perlembagaan?

Hal ini harus disedari oleh bangsa Melayu kiranya mereka betul-betul mahu sedar. Dari manakah tibanya rakyat Melayu dan ke manakah akan dibawa oleh parti-parti hendaklah dijadikan tanda tanya tiap-tiap umat Melayu.

---

<sup>1</sup> Kesilapan teks, Sebetulnya 'asing'